

FORMAT AA
PERJANJIAN PERKHIDMATAN, KERJA DAN PEMBEKALAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

LANJUTAN PERJANJIAN

- a. Jabatan Landskap & Rekreasi
- b. Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan
- c. Jabatan Kejuruteraan
- d. Jabatan Khidmat Pengurusan

JABATAN UNDANG-UNDANG (JUU)
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Nama Kontraktor : _____

Alamat Kontraktor : _____

No. Telefon : _____

Tajuk Kontrak : _____

Lokasi : _____

No. Fail Jabatan : _____

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN :

- 1 Empat (4) salinan dokumen Perjanjian yang telah lengkap ditandatangani oleh
- 2 Kontraktor
- 3 Salinan Surat Setuju Terima Sebut Harga atau Tender/ Surat Tawaran
- 4 Salinan Surat Akuan Penerimaan Tawaran
- 5 Salinan Pendua Resit Bayaran Fi Perjanjian
- 6 Salinan Borang Sebut Harga atau Tender/ Perakuan Sebut Harga atau Tender
- 7 Spesifikasi Perkhidmatan / Kerja / Pembekalan
- 8 Salinan Dokumen Atau Resit Bayaran Bon Pelaksanaan (Jika ada)
- 9 Salinan Insurans Tanggungan Awam
- 10 Salinan Pelan Lokasi (Jika berkaitan)
- 11 Salinan Kad Pengenalan Kontraktor (Individu / Pengarah Syarikat / Pemilik Perniagaan)
- 12 Jika Kontraktor berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 / Akta Syarikat 2016 :
 - Salinan Profil Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang mengandungi maklumat syarikat, maklumat modal, maklumat pengarah dan pegawai, maklumat pemegang syer, maklumat gadaian dan pernyataan kewangan, atau
- 13 Jika Kontraktor Berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 :
 - Salinan Diakui Sah Borang D/E berserta maklumat pemilik perniagaan
- 14 Apa-apa dokumen lain mengikut keperluan jadual dan lampiran dalam perjanjian (Sila nyatakan)

[illegible]

UNTUK KEGUNAAN JABATAN DALAMAN SAHAJA.

- 1) Pengesahan daripada Jabatan Dalam bagi melengkapkan senarai dokumen.
Ulasan (Jika ada)

CAP JABATAN

UNTUK KEGUNAAN JABATAN UNDANG-UNDANG SAHAJA.

- 2) Pengesahan daripada Jabatan Undang-Undang (JUJ) bagi penyempurnaan tandatangan Perjanjian.
- a) Dokumen Lengkap
 - b) Dokumen tidak lengkap

Disemak Oleh :

Tandatangan & Cop

Tarikh : _____

MPKj/UDG/B1-2020 PIND.2

CAP JUU

PERJANJIAN INI DIBUAT pada hari dan tahun sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 1 Jadual Pertama**, Perjanjian ini.

DI ANTARA

Pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Majlis**") sebagai satu pihak dan pihak yang bernama dan beralamat sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Kontraktor**") sebagai pihak yang satu lagi.

BAHAWASANYA :

- (A) Melalui Perjanjian bertarikh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 4 Jadual Pertama** Perjanjian ini yang telah ditandatangani oleh Majlis pada satu pihak dan Kontraktor pada satu pihak yang lain (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "**Perjanjian Asal**") yang mana Majlis telah melantik dan Kontraktor telah bersetuju menerima perlantikan tersebut bagi melaksanakan perkhidmatan/ kerja/pembekalan sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 5 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Perkhidmatan/ Kerja/Pembekalan**") ke atas kawasan yang secara khususnya dinyatakan dalam **Perkara 6 Jadual Pertama** (sesalinan Perjanjian Asal tersebut dilampirkan bersama Perjanjian ini dan ditandakan sebagai **Lampiran A**).
- (B) Berdasarkan **Klausula 3** Perjanjian Asal tersebut telah memperuntukkan bahawa tempoh perlantikan Kontraktor bagi pelaksanaan Kerja tersebut adalah selama tempoh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 7 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Tempoh Asal**") dan Majlis telah bersetuju untuk melanjutkan lagi Tempoh Asal Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut selama tempoh sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 8 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "**Tempoh Lanjutan tersebut**") secara khususnya dinyatakan dalam Surat Setuju Terima dan dipersetujui oleh **Kontraktor** di dalam Surat Akuan Penerimaan sepertimana yang dinyatakan dalam **Perkara 9 Jadual Pertama** Perjanjian ini (sesalinan dilampirkan sebagai **Lampiran B**).
- (C) Kedua-dua pihak dengan ini bersetuju untuk memasuki Perjanjian ini sebagai sampingan kepada Perjanjian Asal tersebut bagi melaksanakan tanggungan hak, obligasi dan kepentingan kedua-dua pihak dan tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalam Perjanjian Asal dan Perjanjian ini.

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI OLEH KEDUA-DUA PIHAK SEPERTI BERIKUT:-

1. TEMPOH LANJUTAN PERJANJIAN

Kontraktor hendaklah memulakan Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut serta-merta daripada tarikh bermulanya Tempoh Lanjutan tersebut sepertimana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 8 Jadual Pertama** Perjanjian ini.

2. PEMBAYARAN

2.1 Tertakluk kepada peruntukan lain di dalam Perjanjian ini dan Perjanjian Asal, bayaran Perkhidmatan/ Kerja/ Pembekalan tersebut di bawah Perjanjian ini seperti mana yang dinyatakan secara khusus dalam **Perkara 10 Jadual Pertama** Perjanjian ini (selepas ini disebut "Bayaran tersebut") dengan merujuk perincian spesifikasi Perkhidmatan/ Kerja/Pembekalan tersebut di **Jadual Kedua**.

2.2 Sekiranya Majlis berpendapat bahawa adalah perlu bagi kerja-kerja tambahan dilakukan oleh Kontraktor di bawah Perkhidmatan/ Kerja/Pembekalan tersebut, Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja-kerja tambahan tersebut selepas arahan bertulis dikeluarkan oleh Majlis kepada Kontraktor dan mengemukakan permohonan bayaran bagi kerja-kerja tambahan tersebut tertakluk kepada kadar pembayaran yang ditetapkan di dalam Perjanjian Asal.

3. DUTI SETEM /KOS

Duti, caj, levi, cukai setem dan apa-apa kos lain jika ada, yang berhubung dengan penyediaan dan penguatkuasaan Perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

4. PEMAKAIAN UNDANG-UNDANG

Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan kedua-dua pihak adalah tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah-mahkamah di Malaysia.

5. PINDAAN-PINDAAN

Tiada apa-apa pindaan, perubahan atau pengecualian kepada mana-mana terma Perjanjian ini disifatkan berkesan melainkan ia dibuat secara persetujuan bersama pihak-pihak dan secara bertulis melalui perjanjian tambahan yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

6. NOTIS

- 6.1 Apa-apa notis, permintaan, permohonan kelulusan, kebenaran, persetujuan atau apa-apa surat menyurat yang diperlukan, dibenarkan, diluluskan atau dikehendaki diberi di bawah Perjanjian ini oleh Majlis atau Kontraktor, mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi hendaklah diserahkan, jika disampaikan dengan tangan, atau dihantar melalui pos secara berdaftar, atau dikirim melalui teleks/faks hendaklah dialamatkan seperti terkandung dalam **Perkara 2 Jadual Pertama** Perjanjian ini bagi pihak Majlis dan **Perkara 3 Jadual Pertama** Perjanjian ini bagi pihak Kontraktor atau mana-mana alamat yang dimaklumkan secara bertulis dari semasa ke semasa oleh Majlis atau Kontraktor, menurut mana yang berkenaan, kepada pihak yang satu lagi.
- 6.2 Sekiranya terdapat apa-apa pertukaran alamat atau entiti Kontraktor, Kontraktor adalah diwajibkan memaklumkan Majlis mengenainya secara bertulis pada kadar yang segera, tidak lewat dari satu (1) bulan dari tarikh pertukaran alamat atau entiti tersebut.

7. JADUAL/ LAMPIRAN/SURAT SETUJU TERIMA

Jadual, Lampiran dan Surat Setuju Terima yang disebut dan/atau dilampirkan bersama Perjanjian ini jika ada, hendaklah dibaca secara menyeluruh dan bersama dengan Perjanjian dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini selagi tidak bertentangan.

8. PERKARA-PERKARA AM

- 8.1 Tiada kegagalan atau kelewatan untuk menguatkuasakan hak kuasa atau keistimewaan mana-mana pihak boleh dianggap sebagai pelepasan obligasi dan tiada pelakuan tunggal atau sebahagian mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan boleh dianggap menghalang pelakuan lain atau pelakuan terkemudian atau pelakuan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan. Hak dan pemulihan yang diperuntukkan di bawah Perjanjian ini adalah secara menyeluruh dan bukan khusus terhadap mana-mana hak atau pemulihan yang dinyatakan sebaliknya oleh undang-undang.
- 8.2 Walaupun terdapat peruntukan di bawah Perjanjian ini yang boleh dibuktikan sebagai batal dan tidak berkuatkuasa, peruntukan lain di dalam Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa dan berkesan.

- 8.3 **KECUALI** dinyatakan secara khusus dalam Pejanjian ini, sekiranya berlaku kekaburan, ketidakselarasan atau pertikaian di antara dokumen- dokumen yang dinyatakan di sini, maka Perjanjian Asal akan menjadi keutamaan dan mengatasi dokumen- dokumen yang dilampirkan.

[Bahagian ini sengaja dikosongkan]

DENGAN DISAKSIKAN DI BAWAH INI, PIHAK-PIHAK DI SINI TELAH
MENURUNKAN TANDATANGAN MEREKA, MELALUI WAKIL MASING-
MASING, PADA HARI DAN TARIKH SEPERTI YANG MULA-MULA
DINYATAKAN DI ATAS.

Cop Mohor	)	
Majlis Perbandaran Kajang	)	
Dimeterai dengan sempurna	)	
Dengan disaksikan oleh	)	Yang Dipertua

.....
Setiausaha

.....
Ahli Majlis

Penyempurnaan Perjanjian ini oleh	)	
KONTRAKTOR	)	
Dengan disaksikan oleh		
		Nama :
		No. K/P:
		Jawatan:

.....
Nama :
No. K/P:
Jawatan:

(*potong jika tidak berkenaan)

[Bahagian ini sengaja dikosongkan]

JADUAL PERTAMA <i>(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)</i>		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 1	Tarikh Perjanjian	Haribulan Tahun
Perkara 2	Majlis	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKj) Menara MPKj Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-8737 7899 / 8737 1789 Faks : 03-8737 7897 / 8733 1270 No. Fail :
Perkara 3	Kontraktor	Nama Syarikat : No. Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan: Alamat Syarikat / Perniagaan; Tel : Faks : Emel :
Perkara 4	Tarikh Perjanjian Asal	

<u>JADUAL PERTAMA</u> (Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahamkan sebagai bahagian penting Perjanjian ini)		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 5	Butir-Butir Perkhidmatan/ Kerja /Pembekalan	 Pelan Lokasi dilampirkan sebagai Lampiran C (jika berkenaan)
Perkara 6	Kawasan Perkhidmatan/ Kerja /Pembekalan	
Perkara 7	Tempoh Asal	 Bermula pada : Tamat pada : *atau sehingga tuntutan bayaran mencapai Harga Kontrak mana- mana yang terdahulu.
Perkara 8	Tempoh Lanjutan	 Bermula pada : Tamat pada : *atau sehingga tuntutan bayaran mencapai Harga Kontrak mana- mana yang terdahulu. Tempoh Lanjutan :..... (jika berkenaan/ potong jika tiada)

<u>JADUAL PERTAMA</u> <i>(Jadual ini hendaklah diambil, dibaca dan difahami sebagai bahagian penting Perjanjian ini)</i>		
PERKARA	ITEM	BUTIRAN
Perkara 9	Tarikh Surat	Surat Setuju : Terima Surat Akuan : Penerimaan
Perkara 10	Harga Kontrak	Ringgit Malaysia : <i>(sila tulis ikut SST)</i>

JADUAL KEDUA **(Klaus 2.0)**

(Lampiran ini hendaklah diambil,
dibaca dan difahamkan
sebagai bahagian penting
Perjanjian ini)

- ***Spesifikasi Perkhidmatan/ Kerja
/Pembekalan Tersebut-***

LAMPIRAN A **(Fasal A)**

(Lampiran ini hendaklah diambil,
dibaca dan difahamkan
sebagai bahagian penting
Perjanjian ini)

- *Perjanjian Asal-*

LAMPIRAN B **(Fasal B)**

(Lampiran ini hendaklah diambil,
dibaca dan difahamkan
sebagai bahagian penting
Perjanjian ini)

- ***Surat Setuju Terima & Surat Akuan
Penerimaan-***

